

# TEGAR MERDEKHA NARATIF POLITIK DAN BANGSA

**Penulis:**

KU HASNAN KU HALIM


**e-mel:**

hasnan@uthm.edu.my

**Abstrak:** Hubungan politik Melayu-Cina yang dicirikan oleh persaingan dan konflik pada tahap awal kemerdekaan telah mengalami banyak perubahan dalam perjalanan sejarah Malaysia. Kekuasaan dan dominasi politik Melayu yang dijemakan dalam bentuk ketuanan Melayu mula diinstitusikan dalam perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957 melalui pemberian kedudukan istimewa kepada orang Melayu. Tampaknya komuniti Cina baik elit-elit politik dalam BN dan parti pembangkang mahupun masyarakat Cina massa pada mulanya sukar untuk menerima hakikat kekuasaan politik tersebut. Persepsi yang demikian telah mendorong kedua-dua kumpulan ini memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina dengan agak lantang sehingga dekad 80-an. Ini dapat dilihat melalui usaha mereka, terutamanya daripada NGO Cina untuk mengekang ketuanan atau hegemoni Melayu UMNO. Namun dalam tahun 90-an, suara-suara pengekangan dari parti-parti politik Cina komponen BN telah tidak kedengaran lagi. Para elit politik dalam MCA dan Gerakan nampaknya sudah menyerah dan pasrah dengan kedudukan politik mereka yang lebih subordinat berbanding dengan rakan mereka dari UMNO. Suara-suara perjuangan ke arah kesamarataan hak hanya dilaung dan diusahakan oleh pergerakan NGO Cina dari aliran pendesak dan DAP.

Trend perkembangan baru ini merupakan natijah daripada tanggapan orang Cina bahawa ketuanan atau hegemoni Melayu tidak mungkin dicabar atau dikekang oleh mereka. Faktor lain yang menyumbang kepada kecenderungan ini ialah kebanyakan orang Cina, terutama elit-elit politik dan para usahawan telah dapat menyesuaikan diri dan malah ada yang mampu meraih manfaat daripada pentadbiran negara yang bertunjangkan politik ketuanan Melayu. Himpitan dan tekanan yang dialami pada zaman awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak lagi menimpa mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Cina massa masih menganggap usaha pengekalan identiti mereka tergugat oleh beberapa dasar awam kerajaan, umpamanya pelaksanaan Sekolah Wawasan dan Pengajaran & Pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa NGO-NGO Cina akan terus mengajukan suqiu-suqiu pada masa akan datang selagi persepsi mereka tidak berubah.

Kata Kunci: Keintelektualan, Kedaulatan



# Tegar **MERDEKHA**

**Naratif Politik dan Bangsa**

*KU HASNAN KU HALIM*

  
**Penerbit  
UTM**



# Tegar **MERDEKHA**

## Naratif Politik dan Bangsa

*KU HASNAN KU HALIM*



Penerbit  
**UTHM**  
2025

©Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:  
Ku Hasnan bin Ku Halim

Diterbitkan dan dicetak oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel: 07-453 8529/ 8698  
Faks: 07-453 6145

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-143-8

# ISI KANDUNGAN

|                                                   |            |
|---------------------------------------------------|------------|
| <i>Pena Menari</i>                                | <i>vii</i> |
| <i>Prakata</i>                                    | <i>ix</i>  |
| <br>                                              |            |
| Siasah Negara Bangsa                              | 1          |
| Pembinaan Negara Berdasarkan Teori                | 13         |
| Pengertian Politik dalam Kehidupan Berbangsa      | 35         |
| Orang Melayu-Sejarah Awal Sebagai Penduduk Asal   | 51         |
| Zaman Suram Kemelut Penjajahan Cabaran dan Dugaan | 63         |
| Perang Dunia dan Dinamisme Perjuangan Mahardhika  | 71         |
| Sejarah Siasah Kenegaraan                         | 75         |
| Darurat; Era Stabil-Tegang                        | 95         |
| Perjuangan Siasah Melayu Pra-Merdeka              | 105        |
| Pembugaran Gerakan Kesatuan Melayu                | 113        |
| Munculnya Intipati politik Melayu                 | 115        |
| Ketuanan Melayu: Respons dan Persepsi             | 193        |
| <br>                                              |            |
| <i>Bibliografi</i>                                | 213        |
| <i>Biografi Penulis</i>                           | 217        |
| <i>Indeks</i>                                     | 219        |

# PRAKATA

Alhamdulillah setinggi-tingi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan taufik dan hidayahn-ya buku kecil **TEGAR MERDEKHA: NARATIF POLITIK DAN BANGSA** telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini ditulis dengan mengetengahkan isu-isu yang dibincangkan yang mana merupakan topik-topik relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang menyintai dan kasih kepada negara Malaysia.

Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah. Sekian.

**KU HASNAN BIN KU HALIM**

©Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:  
Ku Hasnan bin Ku Halim

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel: 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh:  
Percetakan Ilham Selatan,  
No.10, Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti,  
81300 Skudai, Johor.  
Tel: 017-7779313

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-143-8



# ISI KANDUNGAN

|                                                   |            |
|---------------------------------------------------|------------|
| <i>Pena Menari</i>                                | <i>vii</i> |
| <i>Prakata</i>                                    | <i>ix</i>  |
| <br>                                              |            |
| Siasah Negara Bangsa                              | 1          |
| Pembinaan Negara Berdasarkan Teori                | 13         |
| Pengertian Politik dalam Kehidupan Berbangsa      | 35         |
| Orang Melayu-Sejarah Awal Sebagai Penduduk Asal   | 51         |
| Zaman Suram Kemelut Penjajahan Cabaran dan Dugaan | 63         |
| Perang Dunia dan Dinamisme Perjuangan Mahardhika  | 71         |
| Sejarah Siasah Kenegaraan                         | 75         |
| Darurat; Era Stabil-Tegang                        | 95         |
| Perjuangan Siasah Melayu Pra-Merdeka              | 105        |
| Pembugaran Gerakan Kesatuan Melayu                | 113        |
| Munculnya Intipati politik Melayu                 | 115        |
| Ketuanan Melayu: Respons dan Persepsi             | 193        |
| <br>                                              |            |
| <i>Bibliografi</i>                                | 213        |
| <i>Biografi Penulis</i>                           | 217        |
| <i>Indeks</i>                                     | 219        |

# PENA MENARI

Dunia penulisan sebagai budaya-sepatah perkataan boleh mengubah dunia.....

Berfikir sesaat lebih baik dari solat sunat seribu rakaat

Fajar 2025 menjelma meninggalkan jauh bening senja merah 2024 dengan seribu macam kisah suka dan duka. Yang pastinya kepada insan yang berjiwa pejuang, hidup itu perlu diteruskan walaupun mati itu pasti. Atas nama cinta itulah juga terlahir kita untuk melihat dunia ini.

Keintelektualan Ibnu Khaldun melalui buku *Muqadimahny*a bukan sahaja berguna kepada bumi Arab tetapi telah membuka ruang kepada berkembangnya pemikiran tamadun manusia. Auguste Comte menyajikan *teori fungsionalnya*, Karl Marx dengan *teori konfliknya*, Durkheim, Weber, Sigmund Freud dan lain-lain lagi yang tulisan mereka sehingga hari ini terus dikaji. Dunia kini semakin maju, menulis kini bukan sekadar di atas kertas tetapi juga di media maya internet yang memudahkan maklumat disebarkan dengan cepat dan pantas.

Mari kita gerakkan budaya menulis walaupun terpaksa menulis sedikit dari kehidupan kita. Kebijaksanaan dan kepandaian tidak akan mendatangkan apa-apa jika kita tidak membuktikan melalui tulisan. Mungkin sesetengah dari kita beranggapan usaha-usaha seperti ini nampak sukar dan tegang untuk dilakukan tetapi berita baiknya adalah semua kesukaran itu akan cair seperti matahari yang memancar sinar dari atas terhadap daun yang lembab dan basah.

Pengetahuan itu adalah kuasa dan kurniaan. Dan anugerah itu tidak dapat dicabut dari seseorang dengan sewenang-wenangnya. Biarlah tulisan kita akan kekal selama-lamanya dan sejarah akan menghakiminya serta putih akan mengatasi hitam akhirnya.

Ilmu bukan jaminan untuk hidup senang tapi untuk kita bina hidup bermaruah agar tidak ditindas oleh orang yang bijak pandai. Ilmu juga bukan tiket untuk meraih kemewahan tapi untuk kita jadi bangsa berdaulat agar tidak dijajah sekali lagi.

**KU HASNAN KU HALIM**

# PRAKATA

Alhamdulillah setinggi-tingi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan taufik dan hidayahn-ya buku kecil **TEGAR MERDEKHA: NARATIF POLITIK DAN BANGSA** telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini ditulis dengan mengetengahkan isu-isu yang dibincangkan yang mana merupakan topik-topik relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang menyintai dan kasih kepada negara Malaysia.

Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah. Sekian.

**KU HASNAN BIN KU HALIM**



## SIASAH NEGARA BANGSA

**P**olitik merupakan suatu pengkajian mengenai interaksi manusia dengan kerajaan berhubung pengagihan kuasa serta penyelesaian konflik berkepentingan. Ia didefinisikan sebagai proses pengagihan sumber yang terhad, melibatkan kuasa dan autoriti dan tindakan yang berkaitan dengan institusi kerajaan.

Kerajaan didefinisikan sebagai rangkaian institusi-institusi yang mentadbir negara selain daripada alat serta jentera yang berfungsi untuk mencapai matlamat, dasar serta cita-citanya. Negara pula, merujuk kepada sebuah organisasi kumpulan bermasyarakat dan berbudaya politik, iaitu negara sebagai satu kumpulan orang yang menghuni satu kawasan tetap, bebas daripada kawalan luar serta memiliki satu kerajaan tersusun yang menerima ketaatan tabii daripada sebahagian besar penduduknya.

Negara juga melibatkan seluruh anggota ahlinya manakala kerajaan melibatkan sebahagian kecil penduduknya. *Oxford Dictionary* mendefinisikan politik sebagai keterlibatan dalam aktiviti politik, menggunakan kuasa dalam kehidupan umum, boleh mempengaruhi sesuatu keputusan yang memberi kesan

kepada negara dan masyarakat. Manakala kerajaan merupakan sekumpulan manusia yang bertanggungjawab mengawal negara dan kerajaan.

### **Sains Sosial dan Sains Politik**

Sains sosial didefinisikan sebagai satu gumpalan ilmu yang bersepadu berkaitan dengan asal usul dan perkembangan masyarakat manusia, institusi-institusi, hubungan dan idea yang terlibat dalam kehidupan manusia. Inilah disiplin ilmu yang mengkaji bentuk hubungan manusia dan masyarakatnya. Kepelbagaian dalam sains sosial dicerminkan menerusi pelbagai disiplin ilmu, antaranya antropologi, sosiologi, sains politik, ekonomi, sejarah, undang-undang dan psikologi sosial. Plato (427-347 SM) dan Aristotle (384-322 SM) menggunakan analisis deskriptif membahaskan aspek politik dan pemerintahan, ekonomi dan moral.

Sains politik sifatnya mengkaji bagaimana cara manusia diperintah manakala alat-alat pemerintahan digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menurut Wan Abdul Rahman Wan Latif (1999), asal usul sains politik moden iaitu Saint Simon (1760-1825) yang mencadangkan bahawa moral dan politik perlu dilihat sebagai positif iaitu sesuatu yang objektif bukan subjektif. Dalam memahami permasalahan sains politik, beberapa pendekatan diambil kira. Antara pendekatan ialah falsafah, institutionalisme, behaviorisme, pluralism, developmentalisme, strukturalisme, fungsi struktur, liberalisme, sistem, komunikasi, ekonomi politik, pembentukan keputusan dan pendekatan konflik.

Pendekatan falsafah sangat diperlukan terutama bagi merungkai permasalahan yang berkaitan dengan manusia. Antara isu yang diperdebatkan dalam konteks falsafah (politik) ialah pengkajian tentang hal-hal yang berkaitan dengan manusia serta menekankan hal-hal pembentukan moral, kewibawaan masyarakat terhadap politik, pembelajaran tentang tujuan dan mengatasi masalah keadilan yang semakin didesak. Ini merupakan kajian mengenai pemikiran tentang hal-hal yang berkaitan dengan politik serta



## PEMBINAAN NEGARA BERDASARKAN TEORI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, negara bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan. Secara umumnya definisi negara boleh dikatakan sebagai “sekumpulan manusia yang menduduki sesebuah wilayah yang tetap di bawah penyelenggaraan kerajaan dan tidak tertakluk kepada kuasa luar”. Menurut Aristotle, manusia ialah “haiwan yang bersosial dan mereka hidup secara berkumpulan”. Robert A. Dahl mendefinisikan negara ialah “satu sistem politik yang didirikan oleh orang yang bermastautin dalam sebuah wilayah dan mempunyai kerajaan yang memerintah wilayah tersebut”. Matlamat dalam pembinaan negara adalah tidak terbatas. Jika diselidiki dengan teliti, kewujudan negara sememangnya menjamin kesejahteraan hidup. Hal ini berlaku kerana ia adalah kehendak naluri manusia.

## Teori Kewujudan Negara

Menurut Machiavelli, negara merujuk kepada perkataan estate, iaitu sebuah kerajaan tetapi bukan komuniti atau masyarakat berpolitik yang besar. J. S Mill menyatakan bahawa negara tidak dapat menghalang orang dewasa berfikir normal melakukan sesuatu pekerjaan selagi ia adalah kehendaknya. Dengan wujudnya negara maka manusia mulai menyedari akan pentingnya peraturan dan penguatkuasaan. Pelbagai teori muncul berhubung kewujudan negara. Walaupun kebanyakan teori hanya bersifat spekulatif, namun ia tetap memberi sumbangan ke arah pemahaman latar belakang sejarah. Terdapat lima teori kewujudan negara. Antara teori tersebut ialah teori kudus atau teori ketuhanan (*theory of divine right*), teori patriarkal dan matriarkal (*patriarchal and matriarchia theories*), teori kontrak sosial atau perjanjian masyarakat (*theory of social contract*), teori paksaan (*theory of force*), teori sejarah atau evolusi (*historical or evolutionary theory*).

Teori ketuhanan bersesuaian dengan negara yang mengamalkan pemerintahan beraja. Terdapat empat kepercayaan menerusi teori ini iaitu Tuhan telah mencucuri rahmat ke atas manusia dengan mengilhamkan negara. Hal ini kerana hanya negara sahaja yang dapat menghindarkan rakyat daripada melakukan kehidupan yang bertentangan dengan peraturan alam. Raja yang dilantik oleh Tuhan hanya bertanggungjawab kepada Tuhan dan tidak kepada orang lain. Ini bermaksud bahawa rakyat perlulah patuh dengan setiap yang dikehendaki oleh raja. Jika mereka tidak patuh maka dianggap menderhaka kepada raja, Raja serta negara dipercayai memperoleh kekuatan dan kewibawaannya daripada Tuhan. Hal ini kerana walaupun melakukan penindasan ke atas rakyat, namun kedudukan mereka tetap bertahan dan mereka dipertanggungjawabkan oleh Tuhan.

Teori ini menjadikan corak pemerintahan raja lama. Misalnya, dinasti Shah Iran iaitu Shah Reza Pahlavi yang menegaskan bahawa beliau adalah waris Iskandar Zulkarnain. Teori ini menegaskan kesetiaan kepada negara adalah ibarat agama. Agama adalah suci maka negara juga suci yang dihormati dan disanjung





## PENGERTIAN POLITIK DALAM KEHIDUPAN BERBANGSA

Ramai orang keliru terhadap istilah 'politik' di satu pihak dan 'sains politik' di pihak lain. Kata politik atau 'politics' telah dipergunakan untuk menunjukkan bermacam-macam pengertian sehingga erti asalnya sudah dilupakan orang. Oleh sebab itulah sebutan 'politik' tidak dapat diterima sebagai sinonimnya sains politik, dengan demikian secara berprinsip tafsiran yang keliru harus ditolak. Secara jelas ialah 'sains politik' adalah sebagai satu ilmu pengetahuan dan 'politik' sebagai suatu kemahiran.

Politik pada umumnya dimaksudkan politik yang aktual yang dihadapi setiap hari, masalah aktual tentang negara dan pemerintah. Kata politik kebiasaannya akan memberi rangsangan ingatan ke arah parti politik dan nampaknya kata 'politik' dalam kehidupan sehari-hari, sudah mempunyai erti khusus yang menimbulkan asosiasi pada perbuatan-perbuatan yang tidak jujur, curang dan merosakkan. Untuk tidak meragukan kita, marilah memperhatikan sejenak tentang sains politik sebagai sekelompok pengetahuan dari keseluruhan ilmu pengetahuan yang ada. Timbul

TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA

pertanyaan pada kita, kelompok pengetahuan yang manakah yang merupakan sains politik untuk dibezakannya dengan kelompok-kelompok pengetahuan yang lain? Jawabannya ialah kelompok pengetahuan yang berhubungan dengan gejala-gejala dalam kehidupan masyarakat.

Sains politik mempelajari berbagai gejala yang timbul sebagai akibat manusia hidup bersama-sama dalam kesatuan tertentu. Dengan kata lain ilmu politik membahas gejala-gejala sosial (*social phenomena*) dan bukannya gejala-gejala alam (*phenomena of nature*) seperti misalnya angin taufan, gempa bumi atau pasang surutnya taut. Oleh kerana gejala-gejala dalam kehidupan masyarakat itu sangat banyak sekali seginya atau permasalahannya, maka gejala-gejala sosial yang bagaimanakah menjadi pusat perhatian sains politik? Jawabnya ialah gejala-gejala yang berkisar pada perjuangan manusia yang berusaha memperoleh kekuasaan atau mempertahankan kekuasaan untuk mencapai sesuatu maksud yang diinginkan. Ini dimaksudkan dengan gejala ialah setiap perwujudan pada alam lahir yang dapat diketahui melalui pancaindera dan mengandung sifat berubah-ubah. Dalam kehidupan berwujud perlakuan manusia masyarakat gejala-gejala itu dapat mewujudkan perlakuan manusia dan hubungan di antara orang itu atau kejadian dan keadaan yang nampak. Perlakuan itu meliputi apa yang disebut sebagai *political activity* atau *political behaviour*. Apabila perilaku ini telah menjadi pola dan terjadinya dalam keadaan yang berulang-ulang, maka terdapatlah lembaga-lembaga dalam kehidupan sesuatu masyarakat misalnya pemerintahan. Demikian juga halnya, apabila terdapat hubungan-hubungan di antara orang-orang itu, telah merupakan pola tertentu; maka timbullah satuan-satuan organisasi seperti misalnya, suatu perserikatan bangsa, sebuah negara atau parti. Dengan demikian pengertian 'gejala kehidupan masyarakat' itu mencakup negara, pemerintahan dan organisasi masyarakat serta kegiatan politik yang merupakan sasaran sains politik. Sasaran-sasaran ini menimbulkan bermacam-macam kejadian dan keadaan yang termasuk pula dalam pengertian gejala tersebut, kejadian termaksud misalnya ialah suatu pemberontakan menentang penguasa, sedang suatu keadaan umpamanya ialah



## ORANG MELAYU-SEJARAH AWAL SEBAGAI PENDUDUK ASAL

**S**ebenarnya orang Melayu sudah beribu-ribu tahun hidup bermasyarakat di Semenanjung ini. Bukti-buktinya jelas dari tinggalan rangka-rangka manusia, alat-alat kerja dan kendi-kendi yang dijumpai oleh ahli-ahli kaji purba di beberapa tempat.

Antara alat-alat yang tertua sekali ialah kapak-kapak kecil yang diperbuat daripada batu. Kapak-kapak ini ternyata adalah dari Zaman Batu, iaitu zaman yang merupakan peringkat awal dalam perkembangan sejarah manusia. Ada tiga tahap dalam Zaman Batu, iaitu: Zaman Batu Lama, Zaman Batu Tengah dan Zaman Batu Baru. Hasil peninggalan dari Zaman Batu Tengah dan lebih-lebih lagi Zaman Batu Baru banyak sekali dijumpai.

Kebanyakan alat-alat Zaman Batu Tengah itu terdapat dalam gua. Ini menunjukkan bahawa masyarakatnya tinggal di gua-gua dalam kelompok kecil. Di dalam gua-gua itu terdapat juga tulang-tulang binatang buas, satu tanda bahawa kelompok ini hidup dengan memakan binatang buruan.

**TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA**

Mereka ini dipercayai hidup dalam kumpulan kekeluargaan yang diketuai oleh seorang tua di antara mereka. Mereka sentiasa berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan lain, memungut buah-buahan serta tumbuh-tumbuhan dan memburu binatang untuk menanggung hidup sekeluarga. Mereka tidak menternak atau bercucuk tanam. Mungkin hidup mereka ada persamaannya dengan sesetengah masyarakat liar yang masih terdapat di beberapa kawasan di dunia sekarang.

Alat-alat kerja Zaman Batu Baru yang penting sekali ialah kapak jenis persegi bujur yang diasah halus serta licin. Sesetengah daripada alat ini dijumpai di tanah lapang, selain di dalam gua. Di tempat yang dianggap sebagai tanah perkuburan, terdapat di sisi tulang-tulang rangka kendi dari tembikar atau tanah liat yang terukir dan juga bekas bekas bijian, khususnya padi.

Dipercayai bahawa masyarakat Zaman Batu Baru ini tidak tertumpu di gua semata-mata, tetapi mendirikan rumah atau tempat perlindungan di kawasan lapang. Malangnya rumah mereka ini sudah lenyap dimakan zaman. Mereka mungkin juga sudah mula bercucuk tanam dan berternak serta telah dapat menguasai keadaan sekeliling, tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada alam sekitar seperti masyarakat dari Zaman Batu Tengah.

Oleh sebab mereka boleh menanam padi, maka masyarakat mereka lebih menetap dan lebih besar daripada masyarakat Zaman Batu Tengah. Mungkin besarnya masyarakat mereka bergantung kepada hasil tanaman serta ternakan yang mencukupi untuk menyara hidup mereka. Dalam keadaan yang lebih tetap dan tidak perlu sentiasa bergerak untuk mencari makanan, sebagaimana yang terpaksa dilakukan oleh masyarakat terdahulu daripadanya, maka masyarakat Zaman Batu Baru mempunyai masa lapang yang lebih dan boleh digunakan untuk menjelmakan kebolehan seni mereka, membuat alat-alat yang halus, kendi yang berukir dan lain-lain. Hidup mereka aman, tidak ada tanda-tanda peperangan di antara kelompok mereka. Nyatalah taraf hidup mereka sudah lebih tinggi daripada sebelumnya.



## **ZAMAN SURAM KEMELUT PENJAJAHAN CABARAN DAN DUGAAN**

### **KEDATANGAN ISLAM DAN PENJAJAHAN DUNIA MELAYU OLEH KUASA BARAT**

Dalam bidang diplomatik, raja Melaka membuat hubungan dengan raja-raja besar yang lain di negeri Siam, Jawa dan China. Bahasa Melayu berkembang luas sekali, dan pernah dikatakan oleh pengembara dari Barat bahawa kedudukan bahasa Melayu ini sebagai bahasa perantara dalam hubungan perniagaan dan politik adalah sama pentingnya seperti Latin pada satu ketika di Eropah. Lebih penting lagi, dari segi masyarakat dan kebudayaan Melayu, Melaka telah juga menjadi pusat bagi perkembangan agama Islam.

Boleh dikatakan bahawa melalui peranan yang dimainkan oleh Melaka pada mulanya, dan pusat-pusat lain selepas itu, seperti Banten di Jawa dan Aceh di Sumatera, Islam bertapak kukuh di merata pelosok Nusantara. Berbeza dengan kepercayaan Hindu yang boleh dikatakan mengubah corak masyarakat Melayu pada kulitnya saja, Islam meresap sebatik ke dalam jiwa dan fikiran orang-orang Melayu.



**TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA**

Buat pertama kalinya orang Melayu menjadi sebahagian daripada umat Islam yang tersebar luas di merata dunia, dan memperoleh satu agama yang mempunyai asas pemikiran yang rasional dan dasar falsafah yang mendalam. Islam memancarkan pengaruhnya dalam seluruh cara hidup orang Melayu serta ciptaan-ciptaan kreatifnya. Dalam hidup seharian, pengajaran Islam dan nilai-nilai yang digalakkan serta sesuai dengan agama ini menjadi panduan yang kukuh.

Dari ilham agama Islam juga telah timbul beberapa ciptaan sastera yang sangat tinggi mutunya; dan bahasa Melayu sendiripun diperkayakan dengan konsep-konsep serta kata-kata yang berhubungan dengan falsafah, pentadbiran dan sebagainya. Memang benarlah, sebagaimana yang selalu ditegaskan, bahawa Islam memulakan proses pemodenan yang sangat besar ertinya bagi orang Melayu.

Di Melaka pada kemuncak kegemilangannya terdapat suatu sistem feodal yang padu, meluas kuat kuasanya di daerah-daerah lain dalam Semenanjung dan tersebar pengaruhnya di sebahagian besar Nusantara. Akan tetapi pemerintahan dan sistem feodal Melaka ini terpecah kepada beberapa bahagian yang lebih kecil selepas Portugis merampas kekuasaan Melaka pada tahun 1511.

Sejak tahun inilah bermulanya sejarah penjajahan ke atas orang Melayu di Semenanjung. Pengaruh Portugis ke atas masyarakat dan kebudayaan Melayu boleh dikatakan hampir tidak ada. Apabila ia diganti oleh Belanda pada tahun 1624, yang ditinggalkannya cuma perbendaharaan kata baru dalam bahasa Melayu, dan sekumpulan kecil keturunan orang-orang Portugis di Melaka. Belanda pun tidak meninggalkan kesan yang besar. Sejarah menentukan bahawa peranan terbesar yang dimainkan oleh Belanda ialah di kawasan yang sekarang merupakan Indonesia, manakala di Semenanjung pula yang besar sekali pengaruhnya ialah Inggeris.

Inggeris mula bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786. Pulau ini berserta Seberang Prai telah dijual oleh Sultan Kedah kepada Syarikat Hindia Timur dengan harga cuma \$2,000. Selain itu



### Sistem politik tradisi

Sistem politik pada peringkat permulaan dalam Zaman Batu Tengah dan Zaman Batu Baru dulu *simple* sahaja sifatnya. Kelompok-kelompok masyarakatnya kecil dan tidak memerlukan susunan pemerintahan yang kompleks dan kakitangan yang ramai untuk mentadbirkannya. Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, anggota-anggota kelompok masyarakat ini mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat.

Dari segi politik, orang yang menjadi pemimpin biasanya orang tua dalam masyarakat itu; masing-masing kelompok ada ketuanya, dan ketua-ketua tidak pula berkaitan antara satu sama lain dalam satu sistem yang berpusat. Orang-orang tua ini dihormati dan berpengaruh kerana dalam umur yang lebih panjang mereka telah dapat mengumpul lebih banyak pengalaman dan pengetahuan tentang cara-cara mencari sara hidup, menjaga keselamatan dalam

TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA

keadaan persekitaran yang penuh ancaman, dan meneruskan peraturan-peraturan adat serta kepercayaan.

Biasanya ketua-ketua ini tidaklah melaksanakan fungsi mereka dengan paksaan, bahkan di antara anggota-anggota masyarakat, terutama lelaki yang sudah lebih umurnya, terdapat tukar-menukar pendapat secara keluarga. Apa yang berlaku dalam kalangan mereka pada zaman-zaman silam juga kelihatan berlaku dalam kalangan masyarakat-masyarakat *simple* yang masih wujud sekarang di rantau ini, dan dalam peringkat yang sama dan segi perkembangan sosial dengan masyarakat Zaman Batu Tengah itu.

Dalam perkembangan seterusnya kelompok-kelompok kecil ini disatukan pula dalam lingkungan masyarakat yang lebih besar, di bawah orang besar, orang kaya atau mungkin raja yang sama. Masing-masing kelompok kecil ada ketuanya, yang terkenal dengan berjenis nama, antaranya batin, ketua atau penghulu. Mereka terus berfungsi sebagai pemimpin bagi kelompok mereka sendiri, tetapi selain dari itu mereka tertakluk juga di bawah pembesar mereka dan terpaksa juga menjalankan perintah-perintah atau hajat-hajat pembesar itu.

Pembesar-pembesar mempunyai pengaruh kerana kekuasaan mereka lebih kuat, kedudukan ekonomi lebih teguh, dan mereka mempunyai 'orang perang' sendiri. Dengan kekuatan yang ada pada mereka pembesar itu boleh mengutip hasil atau serahan serta hadiah, dan ini meneguhkan lagi kedudukan ekonomi mereka sebab mereka boleh menjadi bertambah kaya, sehingga dapat mereka membanyakkan 'orang perang', meramaikan lagi pengikut dan meluaskan lagi kawasan pengaruh. Akhirnya pembesar itu boleh menjadi seorang raja pula.

Seperti yang diterangkan lebih awal, Melaka merupakan kemuncak kegemilangan kerajaan Melayu lama. Sistem politik masa itu sudah agak kompleks. Sultan Melaka adalah seorang raja besar, diakui oleh kerajaan-kerajaan lain dan dipatuhi oleh setiap peringkat rakyatnya dalam semua jajahan takluk. Di bawah Sultan Melaka itu terdapat raja-raja yang ditaklukinya, kebiasanya ada hubungan dengannya, sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan.





## PERANG DUNIA DAN DINAMISME PERJUANGAN MAHARDHIKA

Perlahan-lahan keadaan berubah. Di beberapa buah negara Islam telah timbul gerakan yang antara lain, memandang penjajahan Barat sebagai ancaman besar. Antara pemimpin terkenal gerakan pembaharuan itu ialah Syed Jamaludin Afghani dan Syed Muhamad Abduh. Di Semenanjung terdapat juga beberapa orang ulama seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh Alhady yang telah berguru dengan mereka melalui syarahan di merata tempat, karangan dalam majalah dan tulisan yang mereka terbitkan, dan pengajaran di sekolah yang mereka dirikan kedua-dua tokoh ini menyeru dan menaikkan semangat orang Islam (Melayu khususnya) supaya berubah dan mengejar kemajuan.

Selain itu, sebelum Perang Dunia II, gelombang perjuangan untuk kemerdekaan sudah mulai meninggi di beberapa buah negara Asia, termasuk di rantau ini. Tuntutan untuk memerdekakan negara dan membebaskan bangsa semakin kuat kedengaran. Kesannya terasa juga di negara ini.

**TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA**

Dari golongan guru dan wartawan Melayu timbul pemimpin yang memulakan pertubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk mencapai kemerdekaan dalam lingkungan apa yang dikenali sebagai Melayu Raya. Meletusnya Perang Dunia II dan berjayaanya Jepun mengalahkan Inggeris dan terus berkuasa, walaupun sekejap, telah mengubah suasana.

Seperti di beberapa negara lain, di Semenanjung juga telah bertambah keyakinan orang bahawa kekuatan Barat boleh ditumpaskan oleh orang Asia. Dalam masa yang sama kekerasan dan kezaliman yang dilakukan oleh rejim Jepun juga menimbulkan keinsafan yang lebih mendalam tentang betapa zalimnya sesuatu kuasa penjajah itu boleh bertindak, dan betapa perlunya satu-satu negara itu mencapai kemerdekaan untuk mengendalikan nasib bangsanya sendiri.

Selepas perang tamat, semangat rakyat bertambah tinggi dan gerakan mereka bertambah hebat untuk mencapai kemerdekaan. Tokoh-tokoh seperti Sutan Djenain dari Indonesia mengilhami gerakan rakyat di sini. Sebahagian besar orang Melayu pada mulanya telah menyalurkan semangat dan gerakan mereka melalui Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak Haji Muhamad. Di bawah sayap PKMM terbentuk bahagian wanitanya dipimpin oleh Shamsiah Fakeh, iaitu Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan bahagian pemudanya Angkatan Pemuda Insaf (API) yang diketuai oleh Ahmad Boestamam. Sesetengah daripada pemimpin dalam ketiga tiga pertubuhan ini pernah menjadi anggota KMM.

Maka tidak hairanlah jikalau perjuangan mereka mirip ke Indonesia dan mereka menuntut kemerdekaan yang segera dan menyeluruh daripada penjajahan Inggeris dan penyatuan dengan Indonesia. Gerakan mereka ini bukan saja mendapat sambutan daripada orang kampung, guru dan pegawai, tetapi juga berjaya menarik penyertaan beberapa orang profesional dan sokongan beberapa orang Sultan. Nyata sekali bahawa tuntutan-tuntutan dan cara pergerakan mereka yang agak radikal itu tidak disenangi Inggeris.

# Aksara

# KENEGARAAN

## Naratif Politik dan Bangsa

Kecintaan kepada negara itu bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata, atau hanya bersifat simbolik dengan cara kaedah menghormati simbol-simbol negara iaitu pemimpin, lagu, lambang, bendera sepertimana seringkali dilakukan. Kecintaan kepada negara boleh diperlihatkan dengan pelbagai cara. Isu patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Mudah-mudahan akan terpancar kebenaran dari kenyataan itu dengan bersandarkan kepada bab-bab yang bakal ditemui oleh pembaca di dalam buku kecil ini. Menulis untuk Insan, Menulis untuk Masyarakat, Menulis untuk Rakyat makanya buku kecil ini juga ditulis bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu yang dikira mampu untuk diangkat dalam wacana ilmiah merupakan topik semasa yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum pelbagai peringkat yang menyintai dan kasih kepada Negara Malaysia.

### BIODATA PENULIS



**KU HASNAN BIN KU HALIM** merupakan anak kelahiran Langkawi, Kedah Darul Aman. Beliau berpengalaman di dalam bidang pendidikan sejak tahun 2000. Pernah bertugas sebagai Guru di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkelulusan di dalam bidang Sarjana Sains Politik. Beliau sedang menyiapkan Tesis Pengajian Doktor Falsafahnya (Ph.D) di dalam Bidang Sosiologi Politik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Merupakan Pensyarah Kanan semenjak tahun 2012 di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum UTHM.

Pernah terbabit sebagai Penceramah Berkala Jemputan untuk bidang Politik dan Kenegaraan serta bidang Integriti serta isu Keselamatan Negara di bawah Biro Tatanegara (BTN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) kepada agensi agensi serta badan berkanun kerajaan. Beliau juga merupakan Ahli Bertauliah AKRAB Malaysia peringkat Kebangsaan. Pernah terlibat sebagai Penceramah Jemputan untuk Program Latihan Khidmat Negara Kementerian Pertahanan Malaysia. Beliau juga pernah muncul di kaca TV seperti Rancangan Bual Bicara BERNAMA, Rancangan Ruangan Pendapat Astro Awani dan Tetamu Jemputan Astro Oasis. Agak kerap juga menulis di surat Khabar Berita Harian, Utusan Malaysia dan Sinar Harian.



**PENERBIT  
UTHM**

